

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini mengandungi maklumat penting mengenai insurans hayat anda. Pelanggan lain turut membaca LPP ini dan mendapati ia berguna; **anda juga patut membacanya**. LPP ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan berdasarkan lelaki yang sihat berumur 30 tahun.



Tarikh: 1 Jan 2026

1 Apakah Zurich Favour8 Guaranteed Acceptance?

Zurich Favour8 Guaranteed Acceptance (GA) menyediakan perlindungan terhadap Kematian dan Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK) selama 20 tahun. Selain itu, produk ini turut menawarkan Manfaat Pulangan Tunai Dijamin (GCB) dan Manfaat Kematangan Dijamin. Premium yang dibayar akan dibahagikan kepada 70% untuk premium asas ("Zurich Favour8 Basic") dan 30% untuk premium simpanan ("Zurich Favour8 Saver"), yang akan dilaburkan dalam Dana Global Edge dan Dana Health Care sebagai sebahagian daripada Zurich Favour Saver.

2 Kenali Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM 191,500.00** tahunan anda akan menerima **perlindungan** insurans hayat berikut:

	Tahun Polisi	Jumlah Dibayar (RM)
	1 hingga 2	Jumlah Premium yang telah dibayar untuk Zurich Favour8 Basic, premium tidak diperuntukkan bagi Zurich Favour8 Saver, dan nilai dana, tolak GCB yang telah dibayar
Manfaat Kematian / HUKK Bukan Akibat Kemalangan	3 hingga 20	RM 500,000 atau Jumlah Premium yang telah dibayar untuk Zurich Favour8 Basic tolak jumlah GCB yang telah dibayar, yang mana lebih tinggi, serta nilai dana
Manfaat Kematian / HUKK Akibat Kemalangan	RM 500,000 atau Jumlah Premium yang telah dibayar untuk Zurich Favour8 Basic tolak jumlah GCB telah dibayar, yang mana lebih tinggi, serta nilai dana	
Manfaat GCB	Akhir Tahun Polisi	Jumlah Dibayar (RM)
	1 to 10	20,000
	11 to 20	40,000
Manfaat Kematangan Dijamin	RM 640,000	
Manfaat Kematangan Keseluruhan	Manfaat Kematangan Dijamin serta nilai dana	

Nota:

- Produk ini menyediakan jumlah pulangan tahunan sebanyak 0.77% di bawah Senario A dan 1.80% di bawah Senario B, jika dipegang sehingga matang.
- Sila minta contoh kontrak daripada pengantara anda untuk senarai penuh mengenai terma dan syarat.

Manfaat yang perlu dibayar dilindungi oleh PIDM sehingga had dan PERLINDUNGAN KE ATAS MANFAAT DARIPADA BAHAGIAN UNIT TERTAKLUK KEPADA HAD. Sila rujuk risalah TIPS PIDM atau hubungi Zurich Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).

Insurans hayat anda **mengecualikan**:

- Kematian - Jika disebabkan bunuh diri dalam tempoh 1 tahun, hanya premium yang telah dibayar kepada Zurich Favour8 Basic, premium yang tidak diperuntukkan bagi Zurich Favour8 Saver, dan nilai dana, selepas menolak GCB yang dibayar, akan dibayar.
- HUKK - Sebarang kecederaan yang dilakukan oleh diri sendiri.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda hendaklah merujuk kepada polisi insurans untuk senarai penuh pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1-300-888-622



Layari kami di
<https://mya.zurich.com.my/rdt/favour8guaranteeacceptance>



E-mel kami di
callcentre@zurich.com.my

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	RM 191,500.00 (tahunan)
Tempoh: 8 tahun	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Komisen	8.17% daripada premium atau RM 125,145.29 selama 8 tahun Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk butiran lanjut.
Caj lain yang berkenaan	Cukai – Premium dan yuran tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan lain, jika berkenaan. Yuran pengurusan dana – sila rujuk Ilustrasi Jualan

4 Syarat-syarat Utama Lain

- Lien Juvenil akan digunapakai bagi Manfaat Kematian atau HUKK sebelum mencapai umur 4 tahun.
- Anda boleh memilih sama ada untuk menerima GCB setiap tahun, mengumpul GCB dengan kami pada kadar faedah atau melabur semula GCB dalam Dana Zurich.
- Tempoh Ihsan premium selama 31 hari dari tarikh tamat tempoh premium akan dibenarkan untuk pembayaran setiap premium.
- Pembayaran premium selepas tempoh ihsan mungkin menyebabkan polisi luput dan boleh menjejaskan pembayaran manfaat masa depan.
- Keuntungan pelaburan yang dijana dalam Zurich Favour8 Saver tidak dijamin dan bergantung kepada prestasi sebenar dana.
- Pengeluaran sebahagian atau penuh nilai akaun pelaburan dibenarkan pada bila-bila masa bermula dari awal tahun polisi ke-7 dan seterusnya.
- Premium bagi pelan ini adalah terjamin.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda hendaklah merujuk polisi bagi senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan polisi anda dalam tempoh 15 hari selepas polisi anda dihantar kepada anda. Premium yang telah anda buat untuk Zurich Favour8 Basic, premium Zurich Favour8 Saver yang tidak diperuntukkan dan nilai dana akan dikembalikan kepada anda.
- **Pembatalan/Penyerahan:** Selepas Tempoh Bertenang, anda boleh membatalkan polisi dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Kami akan bayar anda nilai tunai.

Zurich Life Insurance Malaysia Berhad (No. Pendaftaran 196801000442 (8029-A)) didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.